


PANDUAN PAMERAN

Untold Stories

Four Singapore Artists' Quest for Inspiration in Bali 1952



14 Feb – 3 Aug 2025

Gallery, Level 10, National Library Building

SEBUAH PAMERAN OLEH



Semua gambar yang dipamerkan dalam pameran ini adalah dari Koleksi Keluarga Liu Kang kecuali dinyatakan sebaliknya. Gambar-gambar oleh Liu Kang © Keluarga Liu Kang.

PROLOG

Ramai mungkin pernah melihat lukisan Artis dan Model (1954) semasa belajar seni di sekolah, atau ketika mengunjungi Galeri Nasional Singapura. Karya Liu Kang ini menunjukkan rakan artis Chen Wen Hsi sedang melukis seorang wanita Bali. Ramai yang beranggapan bahawa lukisan ini menggambarkan pemandangan di Bali berdasarkan lawatan lakaran yang dilakukan oleh empat artis perintis: Liu Kang, Chen Chong Swee, Chen Wen Hsi dan Cheong Soo Pieng pada tahun 1952. Walau bagaimanapun, penemuan terbaru, termasuk gambar-gambar yang diambil oleh Liu Kang, mendedahkan bahawa lukisan yang diilhamkan daripada lakaran Chen sebenarnya dihasilkan semasa lawatan ke Trebes, sebuah resort bukit berhampiran Surabaya, beberapa hari sebelum para artis tiba di Bali.

"Lawatan ke Bali" ini sebenarnya merupakan pengembalaan selama tujuh minggu yang yang padat, di mana para artis mengembara dari Jakarta, lalu merentasi Pulau Jawa dan akhirnya tiba di Bali, dari 8 Jun hingga 28 Julai 1952. Pameran karya seni pada tahun 1953 yang diilhamkan oleh lawatan tersebut telah lama dianggap sebagai peristiwa penting dalam sejarah seni Singapura. Meskipun demikian, tidak banyak butiran maklumat mengenai lawatan itu yang diketahui ramai.

Penemuan terbaru oleh keluarga Liu Kang mengenai koleksi lebih 1,000 gambar yang mengagumkan yang diambil semasa lawatan tersebut menghasilkan jumlah dokumentasi visual yang belum pernah tercatat sebelum ini. Bersama-sama dengan bahan-bahan dari koleksi Perpustakaan Negara, kisah-kisah yang belum pernah diceritakan mengenai lawatan tersebut serta karya-karya agung mereka kini terungkap dengan jelas.



Artis dan Model

Liu Kang

1954

Cat minyak atas kanvas, 84 x 124cm

Hadiah daripada Syarikat-syarikat Shell di Singapura,

Koleksi Galeri Nasional Singapura

PROLOG

Empat Artis

Keempat-empat artis—Liu Kang, Chen Chong Swee, Chen Wen Hsi dan Cheong Soo Pieng—pernah menuntut di Akademi Seni Xinhua, sebuah sekolah seni berpengaruh di Shanghai yang mengajar seni Barat bersama-sama dengan lukisan dakwat Cina. Liu Kang dan Chen Wen Hsi menghadiri akademi tersebut pada masa yang sama pada akhir tahun 1920-an.

Dalam beberapa hal, keempat-empat artis ini tampak seperti gabungan rakan yang tidak diduga. Setiap seorang mempunyai pembawaan artistik, minat dan kepekaan estetik tersendiri. Namun di Singapura pada awal tahun 1950-an, pengalaman hidup mereka, khususnya pendidikan seni yang ditempuh bersama di Shanghai, telah membentuk hubungan antara mereka berempat.

Hubungan itu diperkuatkan lagi dengan pameran empat orang yang dipersembahkan oleh Persatuan Seni Singapura dari 24 November hingga 2 Disember 1951. Pameran tersebut, yang diadakan di Pusat British Council di Stamford Road, mempamerkan 89 karya seni dan mencatatkan rekod jualan seni di Singapura pada masa itu.



(Dari kiri) Liu Kang, Chen Chong Swee, Cheong Soo Pieng dan Chen Wen Hsi di Lapangan Terbang Kallang sebelum penerbangan mereka ke Jakarta pada 8 Jun 1952.

Koleksi Keluarga Liu Kang

Liu Kang (1911–2004) menghabiskan zaman mudanya di Muar, Johor, Malaya, di mana bapanya bekerja dalam perdagangan getah. Pada tahun 1926, beliau kembali ke China untuk meneruskan pendidikan menengahnya. Beliau memulakan pendidikan seni formal di Akademi Seni Shanghai, sebelum menuntut di Akademi Seni Xinhua. Selepas tamat pengajian, beliau menetap di Paris (1929–1932) sebelum kembali ke Shanghai, di mana beliau mengajar lukisan hidup dan lukisan minyak di Akademi Seni Shanghai dari tahun 1933 hingga 1937. Liu Kang kembali ke Muar pada tahun 1937 dan menetap di Singapura selepas Perang Dunia Kedua. Beliau berkhidmat sebagai presiden pertama Persatuan Artis Cina selepas perang dan merupakan ahli pengasas Persatuan Seni Singapura pada tahun 1949.

PROLOG

Chen Chong Swee (1910–1985), juga dikenali sebagai Chen Khai, menuntut di Akademi Seni Xinhua di Shanghai pada tahun 1929. Selepas tamat pengajian, beliau berpindah ke Malaya, dan mengajar seni di sekolah-sekolah Cina di Melaka dan Pulau Pinang sebelum akhirnya menetap di Singapura pada tahun 1934. Tahun berikutnya, beliau menjadi salah seorang ahli pengasas Persatuan Artis Cina. Beliau mengajar seni di beberapa sekolah Cina, dan pada tahun 1951, dilantik sebagai ketua jabatan lukisan Cina di Akademi Seni Halus Nanyang di mana beliau mengajar sehingga tahun 1975. Beliau juga merupakan penulis yang prolifik yang kerap menyumbang kepada akhbar, katalog pameran, dan majalah yang diterbitkan oleh persatuan seni.

Chen Wen Hsi (1906–1991), ahli tertua dalam kumpulan itu, memulakan latihan seni formal di Akademi Seni Shanghai pada tahun 1926. Beliau mempelajari kedua-dua lukisan Cina dan Barat kemudian meneruskan pengajiannya di Akademi Seni Xinhua. Selepas tamat pengajian, beliau mengajar di beberapa sekolah seni di China dan mengadakan pameran dari tahun 1930-an hingga awal 1940-an. Pada tahun 1949, beliau datang ke Singapura untuk mengadakan pameran solo, yang mendapat sambutan yang baik. Pesuruhjaya Agung ketika itu, Malcolm MacDonald, dan yang lain seperti Liu Kang memujuknya untuk terus menetap di Singapura. Chen mengajar di Sekolah Tinggi Cina dari tahun 1950 hingga 1968 dan Akademi Seni Halus Nanyang dari tahun 1950 hingga 1959, sambil memberi kelas peribadi. Beliau bersara daripada mengajar pada tahun 1968 untuk menumpukan sepenuh masa kepada seninya.

Cheong Soo Pieng (1917–1983) adalah ahli termuda dalam kumpulan itu. Pada usia 16 tahun, beliau memulakan latihan seninya di Akademi Seni Halus Xiamen. Selepas tamat pengajian, beliau pergi ke Shanghai untuk melanjutkan pelajarannya di Akademi Seni Xinhua. Pendidikannya terganggu oleh Perang Sino-Jepun Kedua pada Ogos 1937, dan beliau kembali ke Akademi Seni Halus Xiamen untuk mengajar. Cheong meninggalkan China pada tahun 1945 di tengah-tengah kekacauan politik dan peluang terhad untuk melukis dengan cat minyak. Beliau menghabiskan waktunya di Hong Kong sebelum berpindah ke Singapura pada tahun 1946. Beliau mengajar di Akademi Seni Halus Nanyang dari tahun 1947 hingga 1961 di bawah bimbingan bekas mentornya di Akademi Seni Halus Xiamen, Lim Hak Tai. Beliau adalah yang pertama daripada empat artis itu yang menjadi profesional.



Poster Pameran dalam Bahasa Inggeris dan Cina
Singapura: Persatuan Seni Singapura, Koleksi 1951
Liu Kang, Perpustakaan Negara Singapura
B34450878F, B29532980E

PROLOG

Pameran karya seni Liu Kang, Chen Chong Swee, Chen Wen Hsi dan Cheong Soo Pieng, yang diadakan di Pusat British Council dari 23 November hingga 2 Disember 1951, adalah pameran bersama pertama oleh keempat-empat artis tersebut.

Pameran itu mendapat perhatian orang ramai kerana keempat-empat artis itu dianggap antara artis terbaik di Malaya. Ia dianggap sebagai pameran paling berjaya di Singapura ketika itu kerana ia mencatatkan rekod terbaharu untuk jualan seni: 38 lukisan dijual dan 15 lukisan ditempah, pada harga \$9,420 secara keseluruhan, suatu jumlah yang besar pada masa itu.


MEMBAYANGKAN BALI

Imej Bali yang kekal sebagai pulau syurga adalah hasil daripada interaksi kompleks antara sejarah, persepsi dan realiti, melibatkan promosi rasmi, naratif penjajah dan pandangan Barat. Ini bertepatan dengan peningkatan pelancongan santai pada awal abad ke-20, yang dikemudikan oleh teknologi baru.

Kerajaan penjajah Belanda dan gabungannya membangunkan rangkaian pengangkutan antarabangsa dan infrastruktur tempatan untuk meningkatkan akses ke dan di pulau itu. Mereka juga mula mempromosikan Bali sebagai syurga yang suci. Usaha-usaha ini selaras dengan objektif ekonomi dan politik untuk menarik pelawat dan mengukuhkan kawalan Belanda.

Pada tahun 1930-an, reputasi Bali sebagai lokasi yang luar biasa berkembang melalui karya artis, jurugambar, pembuat filem, penulis dan cendekiawan. Poskad bergambar menunjukkan pemandangan indah, tarian kuil dan imej romantis "Gadis-gadis Bali", suatu rujukan yang diberikan kepada wanita tempatan. Di Singapura, beberapa pameran lukisan oleh artis Eropah yang menggambarkan pemandangan Bali selalunya mendapat sambutan yang hangat.

Tidak hairanlah, daya tarikan Bali menarik minat artis di Singapura.



Perjalanan melalui Pulau-pulau Mistik Jawa, Sumatera dan Bali
Syarikat Pelancongan Orient
Tempat penerbitan tidak diketahui: Syarikat Pelancongan Orient,
c. 1926
B20343132G

MEMBAYANGKAN BALI

Usaha pengiklanan kerajaan penjajah Belanda menyasarkan pelancong Barat, menggunakan bahasa yang menggugah seperti "Romantisme Timur, Keselesaan Barat" dan "Pulau-pulau Mistik Jawa, Sumatera dan Bali". Deskripsi ini menarik minat mereka yang mencari pengalaman eksotik dengan keselesaan Barat.




**Bali: A population, le pays, les danses, les fetes, les temples,
l'art (Bali: Penduduk, negara, tarian, perayaan, kuil, seni)**

Gregor Krause (1883-1959)

Paris: Editions Dunchartre et Van Buggenhoudt, 1930.

B02949754G



Pulau Bali

Miguel Covarrubias (1904-1957)

London: Cassell, 1937

Koleksi Liu Kang, Perpustakaan Negara Singapura

B34442519J

Bali sering dibandingkan dengan Tahiti yang diromantiskan oleh pelukis Perancis Paul Gauguin (1848-1903) sebagai "syurga yang suci". Pelancong awal dari Eropah, seperti Wijnand Otto Jan Nieuwenkamp, Walter Spies dan Gregor Krause, memainkan peranan penting dalam membentuk imej Bali melalui seni dan fotografi mereka.

Gregor Krause, seorang doktor Jerman dan jurugambar amatuer, mengambil lebih 4,000 gambar di pulau itu, dan menerbitkan hampir 400 daripada gambar tersebut di dalam bukunya, '*Bali 1912 (1920)*'. Gambar-gambarnya memberikan ilham kepada penulis, jurugambar dan artis seperti Vicki Baum, Walter Spies dan Miguel Covarrubias untuk melawat Bali. Buku ini merupakan edisi tahun 1930 dalam bahasa Perancis.

Catatan tentang lawatan ke Bali membentuk imaginasi dan pemahaman orang ramai tentang pulau itu. Pertama kali diterbitkan pada tahun 1937, Pulau Bali masih dianggap sebagai salah satu teks tentang Bali yang paling berautoritatif untuk mereka yang bukan asalnya dari Bali. Jilid 400 halaman ini mengandungi butiran terperinci tentang kehidupan seharian. Covarrubias menetap di Bali pada tahun 1930 selama sembilan bulan, dan kemudian kembali pada tahun 1933 untuk setahun lagi. Teks itu diilustrasi dengan lukisan-lukisannya serta gambar yang diambil oleh isterinya, Rosa. Salinan khusus yang dipamerkan dalam pameran ini milik Liu Kang.

PENGALAMAN DI BALI

Tidak menghairankan bahawa keempat-empat artis ini menginginkan sumber inspirasi kreatif yang baharu pada awal tahun 1950-an, dan Bali, sebuah tempat di mana seni dan kehidupan saling berkait rapat, telah lama menjadi latar yang menarik. Pada tahun 1952, oleh kerana mereka dapat mengambil cuti tahunan, para artis memulakan lawatan tersebut bersama-sama.

Kisah perjalanan tujuh minggu ini muncul sebagai pengembalaan yang dibentuk secara kebetulan dan spontan serta atas jasa baik individu-individu lain. Walaupun destinasi utama adalah Bali, perancangan bagi lawatan itu banyak diubahsuai sepanjang perjalanan. Di Jawa, di mana mereka melawat Jakarta, Bandung dan Surabaya, mereka memanfaatkan rangkaian rakan lama, saudara mara, sanak saudara dan kenalan untuk mengatur penginapan, memberi nasihat tentang perancangan yang praktikal, menyediakan pengangkutan dan mengatur aktiviti melawat tempat-tempat menarik.

Di Bali, terdapat individu-individu baik hati yang sekali lagi memudahkan perjalanan mereka. Antara mereka ialah Cokorda Gde Agung Sukawati, ketua keluarga pemerintah Ubud, artis Belgium Adrien-Jean Le Mayeur de Merprès dan isterinya orang Bali Ni Pollok, serta beberapa peniaga Cina yang menetap di sana. Semasa penginapan mereka, para artis melawat tempat-tempat utama dan menikmati retreat melukis selama dua minggu.



Sijil Identiti

Singapura, 1952

Koleksi Liu Kang, Perpustakaan Negara Singapura

B34489882B



Kerajaan Koloni Singapura, Sijil Kemasukan, no. 73393


Singapura, 1952

Koleksi Liu Kang, Perpustakaan Negara Singapura

B34489881A

Sebelum perjalanan mereka, setiap artis perlu mendapatkan dokumen perjalanan. Dengan penutupan konsulat China di Singapura pada Januari 1950, mereka tidak dapat memohon pasport China. Sebaliknya, mereka masing-masing memohon Sijil Identiti daripada pihak berkuasa kolonial British. Disebabkan Darurat Malaya (1948–1960), pihak berkuasa kolonial memperketatkan kawalan terhadap pergerakan di dalam dan ke Malaya sepanjang tempoh tersebut. Untuk memasuki Malaya, terdapat keperluan tambahan iaitu Sijil Kemasukan. Kedua-dua dokumen Liu Kang di sini bertarikh 4 Jun 1952, menunjukkan bahawa perjalanan itu diaturkan pada saat-saat akhir.

PENGALAMAN DI BALI



Surat daripada Liu Kang kepada isterinya Chen Jen Pin

14 Jun 1952

Koleksi Liu Kang, Perpustakaan Negara Singapura

B344824061

Liu Kang telah menulis sembilan surat kepada keluarganya. Ini adalah halaman-halaman terpilih daripada surat yang bertarikhkan 14 Jun. Surat ini menceritakan bahawa, ketika tiba di Jakarta, para artis tidak disambut oleh dua orang kawan lama mereka seperti yang dirancangkan. Rupanya, surat berdaftar yang dihantar beberapa hari sebelumnya tidak sampai. Mujur, seorang pelancong yang baik hati dalam penerbangan yang sama membantu mereka mencari tempat penginapan.

Dalam surat yang sama, Liu Kang berkongsi rancangan awal mereka untuk melawat Jawa terlebih dahulu sebelum menuju ke Bali. Namun, tidak lama setelah surat itu dihantar, rancangan berubah kerana cuti umum Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tidak lama lagi. Ini merupakan tempoh waktu yang paling sibuk di Jawa.

Melalui Pemidang Kamera



Selami diri anda dalam perjalanan para artis melalui gambar-gambar Liu Kang, yang dipamerkan secara besar-besaran! Pameran interaktif digital ini menampilkan 20 album yang selaras dengan cara penyusunan gambar Liu Kang dari perjalanan tersebut.

PENGALAMAN DI BALI

Perjalanan Para Artis

Dalam konteks Singapura di bawah jajahan kolonial British pada awal 1950-an, perjalanan ke Bali sebagai usaha artistik memang wajar kerana akses ke tempat-tempat indah Malaya menjadi sukar semasa Darurat Malaya. Di tengah-tengah keadaan ini, daya tarikan Bali telah lama berada dalam fikiran para artis. Dengan Bali sebagai destinasi mereka, keempat-empat artis ini terbang ke Jakarta pada 8 Jun 1952.

Semasa perjalanan mereka melintasi Jawa, termasuk beberapa perhentian di Jakarta, Bandung dan Surabaya, para artis bertemu dengan kenalan mereka dan membentuk hubungan baharu. Menerusi hubungan-hubungan ini mereka mendapat layanan baik dan nasihat yang berharga untuk membantu dalam rancangan bagi lawatan mereka itu. Di Bali, para artis juga dilayan dengan penuh kebaikan oleh kenalan baru mereka. Hal ini memudahkan perjalanan mereka untuk mendalamii budaya Bali yang banyak memberikan inspirasi kepada penghasilan seni mereka pada masa hadapan kelak. Menjelang kepulangan mereka dari Bali pada 22 Julai, mereka telah menghabiskan masa hampir sebulan di sana, di mana mereka telah menghasilkan banyak karya di atas kertas, dan mengambil banyak gambar untuk mendokumentasikan pengalaman mereka.

Ringkasan jadual perjalanan mereka disediakan di bawah:

TARIKH	JADUAL PERJALANAN
8 Jun	Bertolak dari Lapangan Terbang Kallang pada 2:45 petang, tiba di Jakarta pada 5:10 petang.
10 Jun	Memandu ke Taman Botani Bogor bersama kawan-kawan.
11 Jun	Melukis di sebuah kampung berhampiran Tanjung Priok. Melawat kilang batik.
12 Jun	Kembali ke kilang batik untuk melukis dan mengambil gambar.
13 Jun	Melawat terusan antara Jalan Gajah Mada dan Jalan Hayam Wuruk, dua jalan tertua di bandar di mana penduduk mandi dan mencuci pakaian.
14 Jun	Melawat Muzium Jakarta (kini Muzium Nasional Indonesia).
15 Jun	Memandu ke Bandung. Tiba pada 2:30 petang.
16-17 Jun	Melawat tempat-tempat menarik di Bandung. Melawat fakulti seni di Institut Teknologi Bandung; mengatur lawatan dengan ketua fakulti Ries Mulder untuk hari berikutnya. Melukis dan mengambil gambar di pinggir bandar.

PENGALAMAN DI BALI

TARIKH	JADUAL PERJALANAN
19 Jun	Perjalanan kereta api 13 jam ke Surabaya.
21-23 Jun	Menginap di vila ahli perniaga dan peminat seni Lie Tjek Kiong di Trebes, berhampiran Surabaya. Melukis dan mengambil gambar di sana.
24 Jun	Memandu 300 km ke Banyuwangi tenggara.
25 Jun	Menaiki bot ke Bali (2.5 jam), berlabuh di Gilimanuk, kemudian bas ke Singaraja. Bermalam di Singaraja.
26 Jun	Melawat tempat-tempat menarik ditemani oleh ahli perniaga Denpasar Sie Yok Kie dan sepupu Liu Kang, Liu Wenbang.
27 Jun	Hari pertama melukis model hidup—Sie mengatur dua gadis Bali sebagai model.
28 Jun	Tiba di Denpasar, melawat Muzium Bali. Mengatur penginapan di Ubud. Melawat Le Mayeur dan Ni Pollok di Sanur.
29 Jun	Le Mayeur memperkenalkan Ni Ketut Reneng, seorang penari legong dan guru yang dihormati. Para artis mengatur sesi melukis model hidup harian di rumahnya. Le Mayeur dan Ni Pollok selaku tuan rumah mengadakan makan tengah hari.
1–5 Julai	Melukis model hidup di rumah Ni Ketut Reneng; dia mengatur gadis-gadis tempatan untuk melakonkan adegan untuk para artis.
Awal Julai, sebelum 9 Julai. Tarikh tidak diketahui.	Menghadiri hiburan komersial terkenal Le Mayeur dan Ni Pollok yang menampilkan persembahan tarian Bali dan gamelan bersama hidangan mewah
6–12 Julai	Melawat tempat-tempat menarik di Bali.
13–17 Julai	Menginap di kediaman Cokorda Gde Agung Sukawati dan menyelami landskap dan cara hidup Bali.
20 Julai	Kembali ke Denpasar.
22 Julai	Bertolak dari Bali melalui udara ke Surabaya.
23–24 Julai	Melawat Borobudur dan Prambanan.
Antara 25 – 28 Julai	Kembali ke Jakarta. Melawat Monumen Van Heutsz.
28 Julai	Kembali ke Singapura melalui penerbangan.

WARISAN BALI

Kemuncak perjalanan mereka selama tujuh minggu merentasi Jawa dan Bali ditandai dengan sebuah pameran seni yang diadakan di Singapura pada November 1953. Dengan menggunakan lukisan dan lakaran yang dikumpulkan semasa perjalanan, para artis menghabiskan 15 bulan menghasilkan lukisan-lukisan untuk pameran tersebut. Setiap artis menafsirkan landskap, masyarakat, aktiviti harian dan amalan budaya dalam medium pilihan dan gaya unik mereka sendiri. Pameran itu menarik ramai pengunjung dan menerima pujian yang menyantung. Pengumpul seni memberi respons bersemangat dengan memperolehi karya-karya artis-artis ini untuk koleksi mereka.

Kesan pameran itu melangkaui tahun 1950-an. Idea pameran berdasarkan perjalanan melakar di luar negara telah mengilhamkan komuniti seni untuk menganjurkan usaha serupa. Apabila kajian terhadap sejarah seni pasca perang Singapura berkembang dari 1980-an dan seterusnya, pameran 1953 itu dianggap sebagai satu pencapaian penting.



Katalog pameran Bali pada tahun 1953

Singapura: Liu Kang, Chen Chong Swee, Chen Wen Hsi dan Cheong Soo Pieng, 1953
Koleksi Liu Kang, Perpustakaan Negara Singapura
B34442506F

Katalog pameran dalam bahasa Cina menampilkan 25 karya dalam imej berwarna dan hitam putih serta sebuah esei oleh Liu Kang bertajuk "Perjalanan ke Bali", yang mengetengahkan pemikirannya tentang seni dan budaya Bali.

Chen Wen Hsi menyebut dalam temu bual sejarah lisannya pada tahun 1983 bahawa mereka telah melibatkan model semasa lawatan mereka, dan telah menghasilkan potret dua wanita yang berkesan untuknya. Lukisan Chen bertajuk "Gadis Bali" (dilihat di atas, kanan) berkemungkinan adalah karya yang dikatakan itu.

WARISAN BALI

Dilhamkan oleh Perjalanan

Untold Stories mempersembahkan pilihan 37 karya oleh keempat-empat artis, termasuk beberapa buah yang dipamerkan buat pertama kali dalam pameran 1953. Karya seni disusun mengikut empat tema: Penari dan Pemuzik; Wanita Bali; Lanskap dan Seni Bina; dan Kehidupan di Bali dan Jawa.

Mungkin sukar untuk dibayangkan pada hari ini betapa menakjubkan lukisan-lukisan tersebut pada masa itu, dengan tema-tema baharu, warna-warna yang kuat dan komposisi yang bertenaga. Para artis telah menyerap banyak impresi baharu dengan penuh semangat, mencari keindahan dalam kehidupan seharian. Kini, dengan gambar-gambar yang baru ditemui yang diambil oleh Liu Kang, serta bahan-bahan lain yang masih ada, kita dapat mengesan inspirasi di sebalik banyak karya kepada pengalaman tertentu.

Yang menariknya, dua tempat penginapan para artis di Bali, satu dianjurkan oleh penari terkenal Ni Ketut Reneng dan satu lagi oleh ketua keluarga pemerintah Ubud, Cokorda Gde Agung Sukawati, membolehkan mereka untuk focus pada kraf mereka. Mereka terlibat dalam kehidupan dan lanskap tempatan, dan interaksi mereka dengan artis Belgium Le Mayeur dan isterinya Ni Pollok juga memberi peluang untuk melukis model hidup.

Penari dan Pemuzik

Tarian dan muzik sering ditonjolkan sebagai bahagian penting budaya Bali sejak awal abad ke-20, dan kedua-duanya merupakan subjek biasa bagi keempat-empat artis. Di Bali, para artis menonton persembahan tarian tempatan diiringi orkestra gamelan di kawasan Le Mayeur, dan mereka melibatkan penari sebagai model untuk sesi melukis model hidup. Dua karya yang ditampilkan di bawah berkemungkinan dilhamkan oleh salah satu sesi tersebut.

Imej karya seni dari Koleksi Galeri Nasional Singapura dengan kebenaran Lembaga Warisan Negara, Singapura.



Souri (bertajuk "Tarian" dalam katalog pameran Bali)
Liu Kang
1953
Cat minyak atas kanvas, 120×70 cm
Hadiah daripada keluarga artis
Koleksi Galeri Nasional Singapura




Penari Bali
Chen Chong Swee
1952
Cat air atas kertas, 68×54 cm
Hadiah daripada keluarga artis
Koleksi Galeri Nasional Singapura
© Keluarga Chen Chong Swee

WARISAN BALI

Wanita Bali

Cheong Soo Pieng mengatakan bahawa "wanita Bali [adalah] subjek ideal untuk [dirinya]" selepas melawat Bali pada 1952. Liu Kang juga mencatat dalam katalog pameran 1953 mereka bahawa selain susuk fizikal mereka, gaya rambut wanita Bali juga menyumbang kepada kecantikan mereka, dan mereka juga menyumbang kepada pembinaan semula masyarakat Bali. Meskipun imej wanita Bali berada terbuka biasanya dikaitkan dengan Bali dalam penerbitan awal, karya para artis menggambarkan aspek berbeza pula tentang wanita Bali.



Menyikat Rambut

Chen Chong Swee

1952

Cat minyak atas kanvas, 120 × 95 cm

Hadiah daripada keluarga artis

Koleksi Galeri Nasional Singapura

© Keluarga Chen Chong Swee



Pantai Bali

Cheong Soo Pieng

1955

Gouache atas kertas, dilekatkan pada papan

keras, 50 × 63 cm

Hadiah daripada Koleksi Loke Wan Tho

Koleksi Galeri Nasional Singapura

Kehidupan di Bali dan Jawa

Dengan kepekaan estetik mereka, para artis mendapat inspirasi daripada kehidupan seharian dan budaya Bali dan Jawa dan melukisnya di atas kanvas. Ini termasuk pelbagai subjek, dari demonstrasi menumbuk padi dan petani bekerja di ladang hingga tukang perahu yang membawa mereka menyeberangi Selat Bali.



Menuai

Chen Chong Swee

1952


Cat minyak atas kanvas, 47×55 cm

Hadiah daripada keluarga artis

Koleksi Galeri Nasional Singapura

© Keluarga Chen Chong Swee

WARISAN BALI



Feri

Chen Wen Hsi

c. 1952

Cat minyak atas kanvas, 112.6×85.2 cm

Koleksi Galeri Nasional Singapura

Landskap dan Seni Bina

Dalam suatu temu bual yang jarang dengan Cheong Soo Pieng mengenai lawatan ke Bali, Cheong menyatakan kekagumannya terhadap pemandangan dan wanita Bali. Begitu juga, dalam artikel Liu Kang 1953 "Lawatan ke Bali", beliau menekankan landskap Bali yang menakjubkan dan seni bina kuil yang unik. Walaupun kuil-kuil Bali dan sawah padi berteres sering ditampilkan dalam penerbitan, para artis juga terinspirasi oleh landskap dan seni bina Bali yang kurang dikenali. "Brook" oleh Cheong Soo Pieng dan "Scene in Campuhan, Ubud" oleh Liu Kang kini telah dikenalpasti sebagai menggambarkan pemandangan yang sama.




Anak Sungai

Cheong Soo Pieng

1953

Cat minyak atas kanvas, 61 x 79.5 cm

Koleksi Muzium NUS, Universiti Kebangsaan Singapura



Pemandangan di Campuhan, Ubud

Liu Kang

1953

Cat minyak atas kanvas, 127 × 85.5 cm

Hadiah daripada keluarga artis

Koleksi Galeri Nasional Singapura

TERIMA KASIH KERANA MELAWATI PAMERANINI



Kunjungi go.gov.sg/nlexhibition untuk maklumat lanjut tentang pameran ini.



Kunjungi go.gov.sg/untoldstories-progs untuk butiran mengenai program-program awam yang berkaitan.